

# Angels juara Ragbi Wanita Piala Naib Canselor

**Tanjung Malim:** Pasukan ragbi wanita, Angels yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Kejohanan Ragbi Wanita Jemputan IPT 10 sebelah selepas berjaya menewaskan Majlis Sukan Politeknik (MSP A).

Kejohanan kali pertama anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Politeknik Balik Pulau (PBU), Pulau Pinang itu menyaksikan penyertaan pasukan UPSI (Ladies Eagle A dan B), Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP A dan B), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UPM, Universiti Sains Malaysia (USM) dan pasukan Cobra Venom merebut piala pusingan iaitu Piala Naib Canselor.

Timbalan Dekan (Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni) Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Prof Madya Dr Nelfianty Mohd Rasyid, berkata kejohanan membabitkan pemain ragbi wanita buat kali pertama itu menjadi titik permulaan untuk mencungkil bakat pada peringkat sukan Majlis Sukan Universiti (MASUM) serta peringkat kebangsaan.

Beliau berkata, melalui kejohanan ini UPSI berjaya membentuk 30 pemain dari dua pasukan dan sebagai permulaan yang baik untuk mereka pergi lebih jauh.

## Pencapaian terbaik

Bagi kategori Bold johan dan naib johan diungguli pasukan UPSI (Ladies Eagle B) dan UPSI (Ladies Eagle A). Kategori Sheild dimenangi pasukan MSP B, manakala naib johan pasukan Univer-



**Bibi Noraishah** dinobatkan Pemain Terbaik kejohanan.



**Pasukan UPM (duduk depan)** menjuarai Kejohanan Ragbi Wanita Jemputan IPT 10 sebelah merebut Piala Naib Canselor di Padang UPSI baru-baru ini.

siti Sains Malaysia (USM) dan bagi kategori Plate pula pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diwakili pasukan Simba RC muncul juara manakala naib johan pasukan Cobra Venom.

Ketua Jurulatih UPM, Azrul Azman Abdullah

melahirkan kebanggaan terhadap pemain dibimbangnya itu yang menempah pencapaian terbaik berikutnya ada yang belum pernah bermain ragbi sebelum ini.

Sementara itu, pemain UPM, Bibi Noraishah Ishak yang diumumkan sebagai

Pemain Terbaik kejohanan, berkata kejohanan itu adalah kali pertama beliau bermain ragbi kerana sebelum ini menumpukan kepada lontar peluru yang dijangka bakal mewakili Malaysia ke Sukan SEA tahun depan.